

SEHARI SELEMBAR BENANG

04

MOHAMED NAIM DAUPI



www.saujana.sg



4

NAMA :

DARJAH :

SEKOLAH :

TARIKH :

Aku memang berharap hendak berkongsi kebahagiaan keluarga bersama seorang adik. Namun, **kedatangan** adik memberi kami keduakaan. Ibuku meninggal ketika melahirkan adik. Apakan daya, **peristiwa** ini suratan Tuhan. Aku **pasrah** terhadap cubaan Tuhan ini, dan aku tidak seharusnya membenci adik.

SINONIM

Berikan perkataan seiras bagi perkataan berwarna merah

A

B

C

▶ JAWAPAN

Setiap kali tiba musim peperiksaan, ramai penuntut **rajin** mengulang kaji. Mereka bersengkang mata menelaah pelajaran. Mereka berlumba-lumba untuk mencapai **kejayaan** yang cemerlang. Mereka seharusnya membuat persiapan **awal** agar persiapan lebih rapi.

ANTONIM

Berikan perkataan berlawanan/berpasang bagi perkataan berwarna merah

D

E

F

▶ JAWAPAN

Saya faham pelajaran itu kerana pengajaran Cikgu Azrul sangat

Malam ini kerana cahaya bulan dan bintang bergemerlapan.

Abangnya di polis kerana mengedar dadah.

Walaupun mahal harganya, barang itu boleh lama.

HOMONIM

Kedua-kedua tempat kosong ini memerlukan perkataan yang serupa. Isikan petak kosong dengan perkataan tersebut.

G

H

▶ JAWAPAN

Ayah memasukkan peralatan seperti **player, pahat, tukul, sudip, dan gergaji** ke dalam kotak kayu itu.

Ramai pelanggannya membeli ikan **siakap, bawal, tenggiri, kurita, dan kerisi** yang baru ditangkapnya.

HIPONIM

Pilih perkataan yang tidak sekumpul dalam senarai perkataan yang berwarna merah, lalu tuliskan ke dalam petak kosong.

I

J

▶ JAWAPAN